

04/03/1999

Penyertaan Pas hanya bantu PBS

Faizal Fadzil

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Mahathir Mohamad menganggap penyertaan Pas dalam pilihan raya negeri Sabah kali ini hanya bertujuan membantu Parti Bersatu Sabah (PBS) mengalahkan Umno.

Perdana Menteri berkata, dalam negara yang mengamalkan proses demokrasi, sudah tentu semua orang mahu bertanding, walaupun mereka mengetahui tidak berpeluang untuk memenangi pertandingan itu.

"Macam Pas tu, dia tak pernah menang sekalipun di Sabah. Dia masuk bertanding cuma nak tarik keluar pengundi-pengundi yang menyokong Umno, yang mungkin terdiri daripada orang Islam supaya Umno gagal dan PBS akan menang.

"Secara langsung saya berani kata bahawa penyertaan Pas dalam pertandingan di Sabah ini bertujuan menolong PBS.

"Ini memanglah cara Pas. Cakap saja berkenaan Islam tetapi dia juga cuba menentukan bahawa orang Islam akan kalah. Sebaliknya, DAP kali ini tak bertanding ... dia pun tahulah bagaimana dia dulu," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini sekembalinya dari Dhaka, Bangladesh selepas menghadiri Sidang Kemuncak Lapan Negara-negara Islam Membangun (D-8).

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) mengulas pertandingan sengit dalam pilihan raya negeri Sabah kesembilan pada 12 dan 13 Mac kali ini yang menyaksikan saingan antara tiga parti - BN, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu), di semua kawasan.

Turut menyertai pilihan raya kali ini ialah Parti Demokratik Setia Sehati Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (Setia), Pas dan Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (Pasok).

Pilihan raya kali ini juga mencatat sejarah kerana buat pertama kali berlaku pertandingan tujuh penjuru iaitu di Labuk, selain empat kawasan menyaksikan saingan enam penjuru, lima penjuru (11), empat penjuru (17) dan tiga penjuru (15).

Pas kali ini meletak calonnya di enam kawasan walaupun gagal memenangi sebarang kerusi menerusi tiga calonnya pada pilihan raya lalu.

Turut menyambut ketibaan Dr Mahathir ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

(END)